

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JULY 2016

Hanya keterangan dengar cakap tanpa sebarang sumber

Najib padam affidavit Tun M

ulm - 19/7/2016

Oleh **NORAZLITA MOHD. SIES**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 JULAI

DATUK Seri Najib Tun Razak hari ini berjaya dalam permohonannya untuk memadamkan affidavit Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diikrarkan bagi menyokong pernyataan pembelaan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik yang digunakan bagi membatalkan saman Perdana Menteri di Mahkamah Tinggi di sini.

Peguam Datuk Mohd. Hafarizam Harun yang mewakili Najib memberitahu pemberita, Hakim Datuk Nor Bee Ariffin dalam al-

sannya memutuskan bahawa affidavit Dr. Mahathir itu merupakan keterangan dengar cakap (hearsay) tanpa menyatakan sebarang sumber dari mana ia diperoleh.

Walhal menurut peguam itu, semua affidavit yang diikrarkan untuk menyokong permohonan bagi membatalkan saman mestilah bebas daripada keterangan dengar cakap dan perlu menyatakan sumber serta asas selain perlu menyatakan pengetahuan peribadi terhadap dakwaan yang diletakkan itu.

Mohd. Hafarizam berkata, selepas meneliti affidavit Dr. Mahathir, Hakim Nor Bee berpendapat ia tidak mencukupi kerana bekas Perdana Menteri itu tidak

langsung menyatakan apakah pengetahuan peribadinya tentang kononnya, Najib mengambil duit rakyat.

Oleh kerana affidavit tersebut mengandungi perkara yang mengundang perbalahan dan kontroversi maka kata Mohd. Hafarizam, mahkamah berpendapat, ia tidak boleh digunakan untuk menyokong permohonan Liong Sik untuk membatalkan saman Najib.

Peguam itu berkata, permohonan Perdana Menteri dibenarkan dengan kos RM5,000.

Menurut beliau, Hakim Nor Bee akan mendengar pada 24 Ogos ini permohonan Najib untuk membatalkan pernyataan pembelaan Liong Sik.

Pada hari yang sama juga mahkamah akan mendengar permohonan Liong Sik untuk membatalkan saman Najib.

Saman itu difailkan oleh Najib pada 27 Oktober tahun lalu ekoran kenyataan bekas presiden MCA itu dalam akhbar *Malay Mail* bertajuk *MCA's Liong Sik joins call for Najib's ouster for allegedly putting people's money in his own pocket*.

Artikel tersebut menuduh Najib menyalahgunakan dana syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) bagi tujuan peribadi.

Dalam samannya, Najib selaku pihak plaintif menyatakan, Liong Sik telah secara palsu dan berniat

jahat mengeluarkan kenyataan berbau fitnah terhadapnya semasa menghadiri satu upacara di sebuah kolej

universiti di sini yang disiarkan dalam portal berita pada 3 Oktober tahun lalu.

Sementara itu, Mohd. Hafarizam menyifatkan, keputusan mahkamah jelas menunjukkan Dr. Mahathir hanya membuat kenyataan dan dakwaan bersifat dengar cakap semata-mata tanpa mengemukakan sebarang bukti yang boleh menunjukkan Najib mengambil duit rakyat.

Katanya, mahkamah turut tidak mempercayai dakwaan Dr. Mahathir dan juga blog bekas pemimpin veteran itu.